



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Mei 2021**  
**13 Syawal 1442H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Geragau “tinggalkan” Melaka ( Online)</li></ul>
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	ONLINE	25/05/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

## Geragau 'tinggalkan' Melaka

MELAKA: Kualiti air laut di perairan Klebang Besar, di sini, dikatakan semakin merosot disebabkan kerja penambakan yang turut menjejaskan nelayan serta pengusaha cencaluk dan belacan.

Malah, ada yang mendakwa kawasan pantai yang dulunya menjadi lubuk udang geragau yang ditangkap nelayan dengan kaedah menyungkur (menyodok) semakin mengecil, sekali gus memaksa mereka ke kawasan lebih dalam ke dasar laut.

Lebih membimbangkan, kawasan carian juga semakin mengecil dan kini hanya bertumpu di sekitar Pantai Puteri dan beberapa pantai di Pengkalan Balak, berbanding kawasan lain seperti di Pantai Klebang, Limbongan, Batang Tiga dan Lereh sebelum ini.

Sehubungan itu, nelayan terutama pencari udang geragau berharap kawasan sedia ada dipelihara daripada sebarang aktiviti pembangunan seperti penambakan laut yang boleh merosakkan ekosistem hidupan laut sekali gus menjejaskan pendapatan nelayan, peniaga, peraih dan pengusaha cencaluk serta belacan.

Kebanyakan nelayan dan peniaga yang ditemui mendakwa, sejak penambakan laut bermula secara berperingkat lima tahun lalu, kehidupan mereka yang bergantung sepenuhnya kepada hasil laut semakin terancam kerana tangkapan kian berkurangan.



DERETAN kedai menjual cencaluk dan belacan di Klebang Besar. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber



PENIAGA, Mohamad Yusop Isnin. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber

Nelayan yang juga peraih, Yusri Abdullah, 38, dari Tangga Batu mendakwa kawasan Pantai Puteri adalah satu-satunya pantai yang tinggal untuk nelayan menyungkur dan jika aktiviti pembangunan seperti penambakan laut tidak terkawal, punca pendapatan, terutama nelayan di situ semakin hilang.

"Hasil udang geragau yang diperoleh menerusi kaedah menyungkur secara turun-temurun kini semakin berkurangan walaupun ia dilakukan mengikut musim iaitu tempoh tertentu setiap sebulan sekali.

"Jika sebelum ini, peraih turun ke pantai setiap sebulan sekali dan hasil diperoleh antara 200 hingga 300 kilogram (kg) udang geragau, kini kami terpaksa turun dua minggu sekali dalam sebulan. Namun, hasilnya masih kurang iaitu kira-kira 20kg hingga 30 kg. Kadangkala, tiga atau empat bulan baru dapat hasil.

"Peraih kemudian menjual udang geragau ini pada harga serendah RM5 sekilogram dan penjual menjualnya semula pada harga RM15 sekilogram. Saya juga menjual udang geragau ini, namun hasil pendapatan tidak banyak seperti dulu," katanya yang kini sukar mendapatkan pelanggan kerana kurang permintaan.

Tinjauan BH Plus baru-baru ini mendapati, kerja penambakan laut bermula dari Tengkeri hingga ke Klebang Besar sepanjang kira-kira tiga kilometer itu menyebabkan hampir keseluruhan kawasan penangkapan terjejas.



YUSRI Abdullah menunjuk udang geragau yang dijualnya. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber

Akibat projek itu juga, nelayan terpaksa berpakat dengan bergilir ke laut bagi mengelak kesesakan, selain mengelak pukat yang digunakan rosak atau tersangkut.

Bagi aktiviti penjualan pula, kebanyakan gerai yang menjual cencaluk dan belacan sepi tanpa sebarang aktiviti perniagaan kecuali satu atau dua gerai yang beroperasi. Keadaan itu menyebabkan kawasan sekitar seperti kawasan mati dan gerai jualan terbabit tinggal menjadi gajah putih.

Peniaga, Mohamad Yusop Isnin, 66, berkata dia kecewa apabila penjualan makanan proses itu semakin hari semakin terjejas dan kini hanya mampu menjual 10 botol cencaluk sehari, berbanding 30 botol sehari, sedekad lalu.

"Jika dulu udang geragau banyak di sini tetapi kini ia (udang) semakin berkurangan, mungkin disebabkan projek pembangunan di sepanjang kawasan pantai," katanya yang berniaga cencaluk dan belacan sejak 30 tahun lalu.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata satu kajian terperinci berkaitan habitat udang geragau perlu dilakukan bagi memastikan pembekalan produk makanan tradisional yang menjadi identiti Melaka itu terus bertahan.



YUSRI sukar mendapatkan pelanggan disebabkan kurang permintaan terhadap udang geragau. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber

Katanya, kajian itu perlu dilakukan dari segi kaedah tradisional menangkap udang geragau yang turut dikenali sebagai udang baring atau udang geraguk, populasi kehadiran dan cuaca yang sesuai untuk melakukan tangkapan.

"Saya belum terima fakta yang menyatakan jumlah udang geragau semakin merosot tetapi yang saya tahu udang geragau ini ada musim dan tanda kehadirannya banyak.

"Mungkin perlu ada satu kajian bagaimana orang dulu boleh mengetahui pemakanan dan pembiakan udang geragau, keadaan cuaca, pasang surut air dan suasana menentukan kehadiran haiwan laut ini. Jika bukan musim, memang tidak akan jumpa untuk melangai atau menyungkur udang ini," katanya ketika ditemui BH Plus.

Idris yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Udang berkata, kawasan tumpuan aktiviti menyungkur kini dilakukan ke tengah pantai berikutan projek penambakan laut yang sedang giat dilakukan.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Mohd Ghazali A Manap, pula berkata penurunan pendaratan udang geragau di pantai negeri itu berpunca daripada kemerosotan kualiti air laut sehingga menyebabkan habitat haiwan berkenaan terjejas.



KAWASAN gerai menjual cencaluk dan belacan di Klebang Besar semakin ketandusan pengunjung, seolah-olah hilang seri dan tiada daya penarik. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber

"Dasar laut berlumpur semakin berkurangan, eksploitasi berlebihan, penghijrahan ke kawasan lain dan pemanasan global antara punca kemerosotan populasi udang ini.

"Setakat ini, tiada langkah pemuliharaan khusus bagi menangani masalah kemerosotan pendaratan udang geragau, namun pihak kami ada memperkenalkan penggunaan Malaysia Acetes Efficiency Devices (MAED) bagi mengurangkan tangkapan sampingan seperti ikan dan obor-obor terperangkap ketika tangkapan menggunakan pukut tunda di Pantai Barat Semenanjung (Perak dan Selangor)," katanya.

Beliau berkata, pendaratan tertinggi udang geragau pernah direkodkan di Melaka adalah sebanyak 78 metrik tan pada tahun 2006, manakala pada 2013 dan 2014 tidak mencatatkan sebarang pendaratan.

"Bagaimanapun, ia kembali mendarat pada 2015 dengan jumlah satu metrik tan. Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2009 di Melaka mendapati musim aktif haiwan laut berkenaan membiak adalah sepanjang tahun dan mencapai kemuncaknya pada Februari, April, Jun, Ogos dan Oktober," katanya.



KEBANYAKAN gerai yang menjual cendaluk dan belacan kini sepi tanpa sebarang aktiviti perniagaan. - Foto Muhammad Zuhairi Zuber